

KULIAH ZOHOR

**“Muslim Hendaklah Bermanfaat
Bukan Menjadi Beban”**

Masjid Maarof | 20 November 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلَيْنِ أَحَدُهُمَا أَبْكَمُ لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَهُوَ
كَلٌّ عَلَى مَوْلَاهُ أَيْنَمَا يُوَجِّههُ لَا يَأْتِ بِخَيْرٍ هَلْ يَسْتَوِي هُوَ وَمَنْ
يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَهُوَ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Terjemahan

“Dan Allah (pula) membuat perumpamaan: dua lelaki yang seorang bisu, tidak dapat berbuat sesuatu pun dan dia menjadi beban atas penanggungnya, ke mana saja dia disuruh oleh penanggungnya itu, dia tidak dapat mendatangkan satu kebajikan pun, samakah orang itu dengan orang yang menyuruh berbuat keadilan, dia berada pula di atas jalan yang lurus?” (Al-Nahl : 76)

Pengajaran

1. Islam mahu Muslim tidak menjadi beban bagi orang lain, sebaliknya menjadi seorang yang bermanfaat, penyumbang (contributive) dan relevan kepada keluarga, masyarakat, negara dan organisasi yang dia berada
2. Muslim wujud bukan hanya menambah pada angka
 - seperti melukut di tepi gantang
 - sesuatu yang wujudnya tidak dirasai dan ketiadaannya tidak dirasa rugi,
 - lebih buruk, jika ketiadaannya itu melegakan hati

3. Bermanfaat yang meluas dalam konteks apa jua, bukan hanya dalam sudut-sudut tertentu sahaja
 - tidak patut bermanfaat bagi keluarganya tetapi menjadi beban bagi masyarakat dan negara pula
 - atau, bermanfaat bagi masyarakat tetapi beban bagi keluarga
 - atau bermanfaat bagi keluarga dan masyarakat tetapi beban bagi negara

4. Bermanfaat, bila mendatangkan kebaikan, menyuruh kepada keadilan dan berada di jalan yang lurus
 - jalan yang lurus ialah Islam

5. Ayat tidak sebut Islam, tapi sebut “kebaikan” dan “keadilan”
 - kekata yang bersifat umum dan universal
 - manfaat Muslim mestilah juga dirasakan dalam konteks nilai-nilai sejagat
 - bukan bersuara atas dasar agama sahaja tetapi juga nilai-nilai luhur yang dikongsi bersama oleh manusia lain
 - bukan hanya membela agama sahaja tetapi juga membela nilai-nilai sejagat itu tadi

6. Salah satu sifat bermanfaat ialah kekal relevan dan memberi kesan pada konteks di mana berada
 - tidak relevan atau tidak dirasakan relevan atau tidak mencetus kesan (impact) oleh orang, samalah dengan tidak bermanfaat.

KULIAH ZOHOR

“Hendaklah Hidup Dalam Kepelbagaian”

Masjid Maarof | 20 November 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ
خَبِيرٌ

Terjemahan

“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”
(Al-Hujurat: 13)

Pengajaran

1. Allah taala sengaja mencipta manusia penuh dengan kepelbagaian
 - sifat kepelbagaian ini adalah sunnah alam keseluruhannya
 - Al-Quran sebut binatang itu berbagai-bagai, orang-orang beriman itu berbagai-bagai dan orang-orang kafir juga berbagai-bagai
 - sebahagian dari aturan hidup, mesti bersedia untuk hidup dengannya dan tidak melarikan diri darinya
2. Kepelbagaian untuk tujuan yang positif
 - saling kenal mengenali, bukan bertujuan negatif, iaitu untuk saling bergaduh atau berperang antara satu sama lain

2. Asal hubungan kita sesama manusia ialah atas dasar yang positif - ingin kenal, bermesra dll
 - perang hanya ke atas mereka yang melakukan tindakan perang (act of war)
 - tiada tindakan perang, hukum perhubungan kembali kepada asas yang positif
 - sikap dengki dan jahat manusia yang bukan berupa tindakan perang, dibalas samada dengan sesuatu yang lebih baik (billati hiya ahsan) atau kejahatan yang sama (saiyiah mitsluha)

3. Sikap berhati-hati adalah wajar
 - mengandaikan semua orang lain adalah musuh yang berdengki sikap prejudis yang dilarang

5. Bina hubungan atas asas yang positif lebih sesuai dengan fitrah manusia
 - bayangkan bagaimana perasaan manusia jika dia merasakan setiap manusia lain yang berbeza dengannya mesti dibenci dahulu sebelum dikenali pasti samada dia boleh berasa aman atau percaya dengan manusia itu atau tidak?

6. Juga lebih sesuai dengan keperluan dakwah
 - bagaimana boleh kita melakukan sesuatu yang boleh memenangi hati orang lain jika hati itu diselaputi dengan rasa benci dan dendam?

7. Agama di sisi Allah ialah Islam
 - tapi kita tidak membenci seseorang itu semata-mata kerana mereka berbeza agama dengan kita